

# 2 perumahan dinaiki air

**B**ATU CAVES: Hujan lebat kira-kira tiga jam mulai jam 6.30 petang semalam menyebabkan beberapa kawasan rendah di Taman Samudera dan Taman Greenwood di sini, ditenggelami banjir kilat sedalam 0.5 meter.

Hujan berterusan itu mengakibatkan sekurang-kurangnya empat kenderaan yang diletakkan di tempat meletak kenderaan Apartmen Casmaria, Taman Samudera di sini, dimasuki air.

Difahamkan kejadian itu turut mengakibatkan beberapa rumah di aras bawah apartmen berkenaan dimasuki air sebelum surut se-

mula beberapa jam kemudian, memaksa penghuninya bertungkus-lumus membersihkan kediaman masing-masing sehingga malam tadi.

Lebih buruk lagi, beberapa kenderaan yang melalui Jalan Samudera Barat 1, terpaksa meredah banjir selepas air dalam longkang di kawasan berkenaan melimpah.

Penduduk mendakwa kejadian yang dianggap paling buruk pernah berlaku sejak 2002 itu dipercayai berpunca kegagalan sistem perparitan di kawasan berkenaan menampung kapasiti air hujan.

Keadaan itu berlaku selepas longkang di kawasan berkenaan terlalu kecil, menye-

babkan air yang melimpah dari Taman Selasih mengalir deras ke kawasan rendah apartmen enam blok itu.

Timbalan Pengerusi jawatankuasa penduduk apartmen berkenaan, Kamal Arifin Kamaruzaman, 40, berkata masalah banjir kilat itu pernah diajukan kepada Majlis Perbandaran Selayang (MPS) tetapi tidak mendapat sebarang reaksi positif.

“Isu banjir kilat bukan pertama kali dibangkitkan penduduk kerana sejak mendiami apartmen ini pada 2002, hampir tiga kali (termasuk semalam) banjir kilat berlaku, tetapi tidak mendapat reaksi pihak berwajib,” katanya.



**PERIKSA...**seorang penduduk memeriksa keretanya yang dimasuki air, semalam.